



Tuntutan Bayar Zakat Fitrah

Ahmad Haji Hasyim, Kuala Kangsar, bertanya:

Sekarang di Perak telah heboh perkara-perkara mengenai orang-orang yang dituntut kerana tidak membayar zakat fitrah pada tahun lalu. Dengan dasar apakah mereka menuntut zakat fitrah yang lewat masanya itu? Apakah berdasarkan kepada kekuasaan Raja negeri Perak?

Jawab: Kerajaan negeri Perak, menurut perlembagaan, bahawa undang-undang agama yang dipakai atau digunakan di sini mestilah agama Islam yang bermazhab Syafie.

Seseorang Raja yang dilantik dan yang jadi pemerintah kerajaan Perak itu hendaklah daripada orang Islam yang bermazhab Syafie. Menurut hukuman bayar zakat seseorang yang lewat masanya itu tidak asalnya daripada mazhab Syafie dan dipercayai bahawa jalan menghukum tuntutan itu diambil daripada mazhab lain. Jika benar yang demikian itu tentunya hukum-hukum yang dijalankan oleh orang-orang yang berkuasa di Perak itu terhadap orang-orang yang tidak membayar zakat fitrah bersalahan dengan undang-undang perlembagaan negeri Perak itu sendiri. Kita berasa hairan jika taat kepada perlembagaan maka mengapa undang-undang yang dibuat untuk itu tidak mengikut atau disesuaikan dengan undang-undang perlembagaan negeri Perak.

Adapun kewajipan membayar zakat fitrah itu ialah sebelum sembahyang Hari Raya Aidilfitri. Perhatikan hadis Nabi yang bermaksud: "Ibn Umar berkata: Bahawa sesungguhnya Rasulullah (SAW) telah memerintahkan supaya

ditunaikan zakat fitrah itu sebelum orang-orang pergi sembahyang (Hari Raya).

Ibn Abbas berkata bahawa Rasulullah (SAW) telah memfardhukan zakat fitrah untuk membersihkan orang-orang yang berpuasa dari perbuatan-perbuatan yang tidak berguna dan perbuatan-perbuatan yang keji, dan sebagai makanan bagi orang-orang miskin. Barangsiapa membuatnya sebelum sembahyang maka itu ialah zakat yang diterima; dan barangsiapa yang mengeluarkannya sesudah sembahyang maka itulah cuma satu daripada sedekah-sedekah biasa sahaja."

Hadis sahih riwayat Abu Daud Ibn Majah dan al-Hakim.

Daripada hadis ini zahir bahawa zakat fitrah yang diterima ialah sebelum sembahyang Aidilfitri dan apabila diberikan sesudahnya yakni sesudah sembahyang maka itu hanya menjadi sedekah biasa sahaja.

Berdasarkan hadis ini adakah boleh seseorang menghukum satu barang yang telah lewat masanya dengan sebab zakat fitrah sesudah sembahyang Hari Raya itu bukan lagi sifatnya sebagai wajib tetapi sebagai sedekah biasa sahaja. Dengan dasar apakah hukuman dibuat kepada orang-orang yang tidak membayarnya, yang telah lewat masanya sebagai sedekah biasa itu? Inilah perkara yang mustahak dijawab atau diperhatikan oleh ulama dari Jabatan Agama Perak itu.

* * *

Muhammad bin Kechik, Jasin, Melaka, bertanya: Apakah keterangan-keterangan yang membolehkan bayar niat di atas kubur dengan maksud mengambil berkat kubur itu supaya dapat apa-apa hajatnya (si pemintanya)?

Jawab: Kami tidak dapat memberi keterangan dalam hal ini kerana tidak ada keterangan yang membolehkan. Orang yang mati itu sudah tertutup segala amalnya

melainkan tiga perkara iaitu sedekah jariah, anak yang soleh yang mendoakan ibu bapanya dan ilmu yang bermanfaat. Ia tidak berkuasa apa-apa dan tidak dapat menolong dirinya sendiri apalagi untuk memintakan sesuatu bagi orang lain.

* * *

Hasyim bin Sulaiman Bagan Datok, Perak, bertanya: “Saya banyak mendengar tuduhan-tuduhan jahat terhadap *Dār al-Islām*. Banyak orang sudah memomokkan *Dār al-Islām*. Saya ingin tahu bagaimanakan kedudukan orang-orang Islam dengan *Dār al-Islām* itu.

Jawab: *Dār al-Islām* ertinya negara Islam. Dengan pengertian ini maka orang-orang yang memperjuangkan tujuan keislamannya sudah tentu menghendaki supaya negaranya itu menjadi *Dār al-Islām* (negara Islam) dan ini adalah kewajiban mereka untuk menyampaikan janji Tuhan seperti yang disebutkan “*baldaṭun ṭayyibatun wa rabbun ghafūr*” negara bahagia. Timbul nama Darul Islam ini terangnya di Indonesia iaitu sesudah diumumkan negara Pancasila di dalam mana sebahagian umat Islam seperti Kartosoewirjo tidak mahu di Indonesia ada sebuah negara selain dari negara Islam kerana penduduknya hampir-hampir 90% umat Islam. Ia bercita-cita bahawa untuk menegakkan negara Islam itu terpaksa menjalankan kekerasan. Sedang parti-parti yang lain – parti-parti Islam yang bergabung dengan Masyumi – *Nahdatul al-‘ulamā’*, Partai Sarekat Islam Indonesia, dan Parti (Partai Tariqat Islam Indonesia) semuanya bercita-cita Darul Islam (negara Islam) berlaku di Indonesia tetapi cara melaksanakannya hendaklah di dalam atau dengan perlembagaan yakni mengadakan tuntutan untuk mencapai cita-cita itu dengan jalan aman. Tidaklah di sini kita akan menerangkan hujah-hujah di antara kedua pendapat itu.

Kemudian timbul pula cita-cita negara Islam dengan menggunakan kekuatan alat senjata di Sulawesi.

Diketuai oleh Kahar Muzakkar kemudian di Aceh oleh Tengku Muhammad Daud Beureu’eh di dalam mana yang akhir ini sudah tidak lagi mendiamkan dirinya selain daripada mengadakan kekerasan kerana pemimpin umat Aceh itu merasa penindasan-penindasan yang dilakukan oleh kerajaan Indonesia terhadap umat Aceh yang banyak dan besar jasanya dalam kemerdekaan Indonesia terutamanya di dalam masa Indonesia hampir-hampir ditawan Belanda di dalam pemberontakan yang lalu – Acehlah yang membelanjai kedutaannya di luar negara atau perbelanjaan kerja di luar negeri. Banyak perkara-perkara dikatakan sangat tidak memuaskan umat Aceh kerana pegawai-pegawai pemerintah yang dihantar di sana banyak daripada orang-orang yang bukan Islam dan penyelenggaraan negara Aceh juga tidak dibereskan dengan sewajarnya bahkan perkara-perkara yang mengenai agama yang dikehendaki oleh umat Aceh yang tebal semangat agamanya itu langsung tidak diendahkan bahkan terkadang-kadang disesiakan. Juga riwayat seorang pegawai koordinator daripada bangsa Jawa yang digelar “*Fārūq*” Indonesia yang telah memperkosa wanita-wanita sangat menyakitkan hati orang-orang Aceh. Ini keadaan di Indonesia.

Adapun untuk kita menghendaki negara Islam atau Darul Islam itu, menurut pandangan kita, adalah menjadi kewajiban sekalian umat Islam di mana mereka berada. Makin besar sesuatu negara itu maka makin besar pula tanggungjawabnya untuk menegakkan negara Islam. Kewajipan ini berdasar kepada beberapa ayat al-Quran yang di antaranya bermaksud: “Barangsiapa tidak menghukum dengan hukum-hukum Allah maka adalah ia zalim, fasik dan kafir.” Banyak lagi keterangan-keterangan yang mewajibkan tiap-tiap seorang umat Islam itu menegakkan hukum-hukum agama Islam di negerinya supaya hukum-hukum itu berjalan merata negerinya.

Dan kalau tidak dijalankan ia bertanggungjawab di hadapan Ilahi.

Tentang orang memburukkan *Dār al-Islām* itu tentulah mereka yang tidak mengerti dan tidak mengetahui tanggungjawab seseorang Islam terhadap agamanya dan oleh sebab itulah itu mengejek dan mencela-cela cita-cita *Dār al-Islām*. Hanya sanya yang patut diperhatikan dan patut disiasat apakah tiap-tiap satu langkah itu sudah pada tempatnya dilakukan kekerasan kerana melawan kekerasan ataupun sudah pada tempatnya menggunakan kebijaksanaan dengan cara perlembagaan? Ini adalah bergantung kepada keadaan dan tempat serta keyakinan pemimpin-pemimpin itu sendiri. Tetapi walau bagaimanapun cita-cita Islam itu mestilah tertanam dalam dada tiap-tiap umat Islam supaya tercapai *Dār al-Islām* dan supaya *Dār al-Islām* itu terdiri di negerinya untuk mendapat kesempurnaan mengikut hukum-hukum Tuhan dan bukan mengikut hukum-hukum manusia dan sudah tentulah cara melaksanakan hukum-hukum itu dengan beransur-ansur dan dengan kesempurnaan yang baik didasarkan semata-mata kepada ajaran al-Quran dan al-ḥadīth. Adakah siapa-siapa yang enggan di dalam hal ini?

* * *

Muhammad Syarif Abdul Qudus, Bagan Tiang, bertanya: “Bagaimanakah pendapat tuan tentang cita-cita merapatkan kebudayaan di antara Indonesia dengan Malaya dan perkembangannya dengan agama Islam?”

Jawab: Pada masa ini memang sudah timbul satu cita-cita untuk merapatkan kebudayaan di antara Indonesia dan Malaya dan sudah ada pula cita-cita di antara kedua-dua pihak supaya menghantarkan rombongan-rombongan kebudayaan di antara kedua-dua pihak itu.

Cita-cita ini semuanya baik kerana kedua-dua negeri itu asalnya satu hanya memecahkan mereka ialah

pemerintahannya. Tidak dinafikan bahawa Islam di Indonesia mulanya berpunca dari Semenanjung Tanah Melayu ini seperti yang dikatakan oleh Prof Abdul Kahar Muzakkar di dalam ucapannya di Singapura baharu-baharu ini. Dengan itu zahir bahawa pertalian yang erat di antara Indonesia dengan Malaya sangat rapat dan mudah diperhubungkan pertalian ukhuwah Islamiyyah. Kalau sekiranya di dalam rombongan atau perhubungan itu kedua-dua pihak melupakan kebudayaan yang mengenai keIslaman atau perkara-perkara yang mengenai perkembangan Islam di kedua-dua daerah itu maka kami berpendapat cita-cita itu tidaklah akan berjaya atau dijayakan dan sangat pula berbahaya kepada perkembangan Islam di kedua-dua tempat itu. Kerana itu maka menjadi satu harapan kami yang besar kepada umat Islam atau kepada pencinta-pencinta Islam memperhatikan dengan bersungguh-sungguh kerana kita maklum sekarang dan melihat sendiri, sama ada di Indonesia atau di Malaya, telah timbul anasir-anasir kebangsaan yang tidak gemar perkembangan-perkembangan Islam itu dan mereka hanya bernama Islam tetapi kerana tidak cukup mengetahui kedudukannya sebagai orang Islam lebih mengutamakan hal-hal kebangsaan – tidak lagi hidup dalam jiwanya perasaan bertanggungjawab kepada agamanya. Kami berkeyakinan bahawa jika nanti kedua-dua pihak menghantarkan rombongan-rombongan kebudayaannya sebagai bersilatur rahim dengan tidak diutamakan dasar-dasar keIslaman maka yang demikian ada ada bahayanya dan kurang manfaat.

Alamat yang Betul

Dalam siaran “Ikhwan” yang lalu ada terdapat saudara-saudara Muhammad bin Hasyim (Ikhwan: 566) dan Ghazali Yahya (Ikhwan: 579) tersalah alamatnya. Yang betulnya ialah: Muhammad Hasyim: Sekolah Agama, Seri Bandan, Batu Pahat. Ghazali Yahya 12336, Malayan Railway, Sentul Workshop, Kuala Lumpur.

(Sambungan dari muka 2)

lima waktu tidak boleh lakukan dalam kilang-kilang atau pejabat-pejabat.

Pada waktu ini, katanya, yang betul-betul dapat menjalankan ibadat hanya tidak lebih dari 700,000 orang.

Menurut perasaan saya, kata Tuan Mahmud, pada waktu itu di kalangan tua-tua seperti saya, kalangan tua-tua seperti yang saya lihat khusyuk benar beribadah dalam masjid sudah tidak ada lagi, sudah meninggal dunia. Maka barangkali agama Islam sudah habis tersapu bersih dari bahagian Azerbaijan yang penduduknya hampir terbanyak orang-orang Islam.

Tatkala berpisah saya hanya mengucapkan doa kepada Allah untuk melindungi umatnya yang sedang dirundung malang yang sedang menghadapi satu raksasa dari pemerintah Soviet Rusia yang akan membersihkan Islam dari muka bumi ini, katanya.

Dr Syeikh H. Jalaluddin tatkala menafikan berita yang disiarkan oleh Siang Hua (Jabatan Berita Republik China) yang mengatakan bahawa beliau berkata: “Tidak ada kebebasan beragama di negeri China itu adalah propaganda emperialis yang tidak mempunyai dasar.” Itu tidak betul kata Dr. Syeikh H. Jalaluddin. Menurut apa yang dilihat di negeri China sememangnya orang Islam ada yang mengerjakan sembahyang kalau dinamakan “bebas” dengan hanya mengerjakan ibadah bukanlah bebas dalam erti yang sepenuhnya menurut agama Islam.

Saya melihat sendiri, kata Dr. Jalaluddin, tidak seorang pun daripada anggota parlimen China itu beragama Islam. Sememangnya kepada kami sentiasa diperlihatkan penyambutan secara Islam dan pelayan-pelayannya pun diberi pakaian islam dan kami dibawa ke masjid-masjid. Ini agak menjadi pertanyaan kepada saya apakah

mereka itu di sana sengaja memperlihatkan kepada kami bahawa mereka benar-benar rajin beribadah dan tidak diganggu? Antara lain-lain yang ditunjukkan yakni bersembahyang sepuluh rakaat lagi sesudah sembahyang Jumaat. Sesudah saya selidiki bandar Peking maka saya berpendapat bahawa Islam akan boleh hidup hanya dalam masa sepuluh tahun lagi. Tidak ada satu pun sekolah (madrrasah Islam) di sana. Kalau anak-anak dan pemuda-pemuda yang sekarang tidak pernah menerima pelajaran agama maka bagaimanakah mereka kelak akan dapat diharap menjadi pemeluk Islam sedang di sekelilingnya selalu diberikan ajaran-ajaran dan propaganda Komunis? Seterusnya dengan sepintas lalu sahaja dapat saya mengatakan bahawa ulama yang biasanya menyambut kami itu bukanlah ulama yang faham bahasa Arab – katanya.

Dr. Syeikh Haji Jalaluddin ialah seorang anggota rombongan parlimen Republik Indonesia ke negeri China yang telah kembali dan *interview*-nya dengan Jabatan Berita Negeri China itu telah disiarkan dengan berlebih-lebihan – dengan cara yang cuba hendak menipu umat Islam lainnya – berlainan daripada apa yang dikatakan oleh Dr. Syeikh Haji Jalaluddin dari parti.

Apa yang tersebut ini dapatlah difaham akan hakikat yang sebenar ditanggung oleh saudara-saudara kita Islam di tanah Komunis itu. Daripada berita-berita yang ditulis oleh beberapa penulis yang pulang dari negeri Rusia itu terang dan jelas mereka mengatakan bahawa agama Kristian di dalam negeri Rusia itu sudah pun disapu bersih. Terang dan jelas bahawa di daerah utara dan barat selain dari daerah-daerah yang dahulunya jadi tumpuan umat Islam atau negara Islam seperti yang di luar Azerbaijan, agama Islam sudah disapu bersih oleh pengertian-pengertian

Komunis. Oleh sebab itu umat Islam di Semenanjung Tanah Melayu ini sudah pada tempatnyalah bersatu untuk menentang anasir-anasir Komunis yang dengan perlahan-perlahan dimasukkan ke dalam negeri ini dan tidak pula ketinggalan ada di antara anak-anak “yang mengatakan dirinya orang Islam” membawa anasir-anasir itu ke dalam lingkungan orang kita menerusi persuratan-persuratan Melayu. Caranya halus dan bijaksana dan tidak disedari oleh sebahagian kita sedang kita berpendapat, baik pihak pemerintah khususnya, di Persekutuan Tanah Melayu tidak mengendahkan hal ini bahkan

Pengumuman

Kiyai Nazarudin Lathif dan Kiyai Arsyad Tahir Lubis dari Masyumi yang pada masa ini di dalam perjalanan ke Moscow bersama dengan beberapa orang ulama bercadang akan singgah ke Singapura untuk selama dua minggu dan akan mengadakan ceramah-ceramah yang dianjurkan oleh “Ikhwan.” Ketetapan kesampiannya insya-Allah akan disiarkan dalam akhbar harian tempatan apabila diterima saja berita dair kedua-dua beliau itu.

Perlu juga disebut bahawa Kiyai Haji Isa Anshari ketua “Peran Anti Komunis” di Indonesia telah berjanji akan mengunjungi Malaya pada tahun 1957 di bawah jemputan “Ikhwan”. Mudah-mudahan ketetapannya akan dapat berjalan dengan semestinya. Sesiapa di Persekutuan yang berhajat untuk mendatangkan beliau di tempat masing-masing diharap berhubung dengan:

Pengelola sementara “Ikhwan”,

238-B Geylang Road

Singapore 14.

membiarkan berjalan dari satu ke satu masa, pengertian Komunis dihidupkan dan diakarkan ke dalam sanubari dan hati pemuda-pemuda Melayu yang kurang pengertian dan pengalamannya tentang agama Islam, bahkan pemuda-pemuda inilah, setengah-setengahnya yang telah mencemekkan Islam, yang telah memburukkan Islam di dalam masa kita berharap hal ini akan diperhati oleh Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu supaya jangan lengah daripada berdaya upaya sebelum nasi menjadi bubur untuk menahan anasir-anasir yang sangat berbahaya bagi keselamatan dan kesejahteraan orang-orang Melayu yang beragama Islam di negeri ini.

* * *



Syed Adnan Hafiz Pengarah Agung Pejabat Surat dan Telegraf Iraq bercakap melalui telefon dalam masa lawatan ke London baharu-baharu ini untuk menyaksikan perkembangan paling baru dalam urusan telekomunikasi.